# Dua Olimpian jadi raja dan ratu sukan Wilayah Persekutuan!

Posted by MOHD HILMIE HUSSIN | Oct 23, 2025 | Badminton




**DUA** bintang Olimpik negara, Khiew Hoe Yean dan Ariana Nur Dania Mohamad Zairi, mengesahkan

CARIAN

TERKINI

Kayuhan Izzah tersekat di pusingan pertama Kejohanan Dunia
Oct 24, 2025 | Ekstra Flash

Hoe Yean, 23, terus membuktikan dominasinya di kolam renang selepas mengetepikan dua pencabar hebat, Alang Ariff Aqil Muhammad Ghazali dan Nurqayyum Nazmi Mohamad Nazim, sekali gus mengembalikan aura emas buat sukan renang selepas lebih sedekad menanti.

Kali terakhir anugerah tertinggi itu dimenangi perenang adalah menerusi Ian James Barr pada edisi 2013/2014 dan kini Hoe Yean menulis semula sejarah dengan penuh bermakna.

Dalam kategori wanita, Ariana, 20, tampil persis 'pemanah emas' apabila membidik tepat gelaran Olahragawati Wilayah Persekutuan, mengetepikan pesaing dari sukan boling padang dan wushu untuk dinobatkan ratu sukan ibu kota.




**Ariana Nur Damia Zairi menerima anugerah daripada Menteri WP, Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.**

Pemanah recurve muda, sebelum ini mencipta sensasi apabila layak ke Olimpik Paris 2024 dalam dua acara individu dan berpasukan, hasil aksi luar biasa di Kejohanan Kelayakan Benua Asia dan Final Olympic Qualifier di Paris.

Sukan renang terus menguasai malam penuh prestij itu apabila dua perenang muda, Muhammad Dhuha Zulfikry dan Chong Xin Lin, diumumkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Harapan Wilayah Persekutuan.

"KPG tak kenang budi FAM"

Faktor Megat D.Shahriman minat beli KL City FC

Selamat Tinggal 2023! Ini antara kisah-kisah yang menjadi tumpuan pembaca Flash Sukan

"Kalau bukan kerana beliau kita tidak berada di tempat sekarang"

"Sedih tengok coach kecewa" – Matt Davies